



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

## **TEKS UCAPAN PERASMIAN**

**YB SENATOR PUAN SARASWATHY KANDASAMI  
TIMBALAN MENTERI PERPADUAN NEGARA**

**SEMPENA**

**MAJLIS PENGKISAHAN SEJARAH DAN PAMERAN  
50 TAHUN PENUBUHAN  
WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR**

**22 FEBRUARI 2024 (KHAMIS)**

**9.00 PAGI**

**AUDITORIUM PPPAV, ARKIB NEGARA MALAYSIA**

Selamat Pagi, Salam Sejahtera, Salam Malaysia MADANI dan Salam Perpaduan.

## **SALUTASI**

*Salutasi terkini disediakan secara berasingan.*

## **PENDAHULUAN**

1. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan rasa kesyukuran dan amat berbesar hati kerana diberi kesempatan merasmikan majlis yang penuh bermakna ini, iaitu **MAJLIS PENGKISAHAN SEJARAH DAN PAMERAN 50 TAHUN PENUBUHAN WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR**. Rasanya belum terlambat untuk saya mengucapkan **Selamat Menyambut Ulang Tahun Ke-50 Wilayah Persekutuan**.
  
2. Syabas dan tahniah dirakamkan kepada Arkib Negara Malaysia dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) kerana bersama-sama berganding bahu menganjurkan majlis pengkisahan sejarah ini bersempena dengan Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2024. Saya harap, inisiatif murni ini akan menjadi titik mula yang baik buat kita semua, khususnya buat seluruh warga Wilayah Persekutuan.

3. Saya juga merakamkan sekalung penghargaan kepada barisan Tokoh Pengkisah dan Pengerusi Sesi yang sudi untuk berkongsi ilmu, pengalaman dan pandangan dengan kita semua mengenai sejarah awal, pembangunan dan perkembangan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur demi memastikan kelestarian sejarah warisan negara sentiasa terpelihara dan menjadi pemangkin kepada perpaduan generasi kini dan akan datang.

## **WILAYAH PERSEKUTUAN: WILAYAH BERSEJARAH DAN SIMBOL PERPADUAN NEGARA**

**Hadirin sekalian,**

4. Era awal pembangunan dan persekitaran Kuala Lumpur dipenuhi dengan rumah-rumah atap nipah, kini dapat kita lihat perkembangan ekonomi dan peluang pekerjaan yang pesat serta bangunan-bangunan pencakar langit tersergam indah. Dunia mula mengenali Kuala Lumpur melalui bangunan bersejarah dan seni bina ikonik, misalnya Bangunan Sultan Abdul Samad, Masjid Jamek Kuala Lumpur dan Stesen Keretapi Tanah Melayu merupakan antara mercu tanda bersejarah serta contoh seni bina yang menakjubkan. Manakala, Menara Berkembar Petronas yang mempunyai 88 tingkat, Menara Kuala Lumpur yang merupakan menara tunggal ketujuh

tertinggi di dunia dan mercu tanda baharu Kuala Lumpur, Menara Merdeka 118 yang merupakan bangunan kedua tertinggi di dunia selepas Burj Khalifa di Emiriah Arab Bersatu (UAE) dan tertinggi di Asia Tenggara boleh dijadikan penanda aras dan simbolik kemajuan dan kemakmuran negara.

5. Kemajmukan penduduk dan pembangunan pesat yang mewarnai dada ibu kota ini memberi mesej kepada kita bahawa wujudnya perpaduan komuniti dalam kalangan masyarakat berbilang kaum dalam proses pembangunan perbandaran Kuala Lumpur. Justeru, perpaduan ini harus diteruskan, diperteguhkan dan dilestarikan demi kesejahteraan rakyat serta kemajuan dan keharmonian negara.

## **USAHA ARKIB NEGARA MALAYSIA MEMASYARAKATKAN MAKLUMAT SEJARAH NEGARA**

**Hadirin sekalian,**

6. Kementerian Perpaduan Negara sentiasa menyokong jabatan dan agensi di bawahnya untuk memperkasakan pengesanan, pengumpulan dan pemeliharaan maklumat dan bahan sejarah dan warisan negara. Usaha Arkib Negara Malaysia mendokumentasikan sejarah awal,

perkembangan dan kemajuan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur ini merupakan salah satu usaha murni bagi memasyarakatkan sejarah dan warisan negara supaya ia dapat kekal dirujuk dan dihayati oleh generasi akan datang.

7. Namun begitu, tanggungjawab ini pastinya bukan terletak di atas bahu jabatan ini sahaja. Oleh itu, saya menyeru anda semua bersama-sama berganding bahu dengan Arkib Negara Malaysia untuk bergerak seiring mengambil tindakan yang sewajarnya demi memelihara khazanah warisan negara ini.
8. Pertubuhan bukan kerajaan (NGO), swasta dan orang perseorangan dialu-alukan untuk memainkan peranan dan menyumbang bahan-bahan mengenai Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur untuk simpan, dipelihara dan sekali gus boleh dijadikan bahan rujukan di Arkib Negara Malaysia. Ini kerana jabatan ini merupakan institusi yang dipertanggungjawabkan untuk mengumpul, menyimpan dan memelihara khazanah warisan negara.
9. Kementerian Perpaduan Negara berbesar hati untuk mengiktiraf para penyumbang koleksi dan bahan-bahan rujukan sejarah sebagai Rakan Perpaduan bagi

membantu memupuk semangat penyatuan masyarakat serta keharmonian rakyat berbilang bangsa.

## **PENUTUP**

**Hadirin sekalian,**

10. Adalah menjadi harapan saya agar program pada hari ini mencapai objektifnya dan mampu menambah ilmu pengetahuan para hadirin mengenai penubuhan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Perkongsian pengalaman dan pengetahuan oleh Tokoh-tokoh Pengkisah yang berpengalaman dan hebat ini wajar dihayati dan dikongsi bersama ahli keluarga, saudara-mara mahupun rakan taulan yang tidak berkesempatan hadir pada hari ini.
  
11. Justeru, saya sekali lagi merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada semua pihak yang menjayakan program pada hari ini. Semoga penganjuran program ini dapat memupuk perpaduan dan memelihara budaya dan citra bangsa serta menyemarakkan Sambutan 50 Tahun Penubuhan Wilayah Persekutuan 2024.

12. Dengan kata-kata dan hasrat tersebut, saya dengan suacitanya merasmikan **MAJLIS PENGKISAHAN SEJARAH DAN PAMERAN 50 TAHUN PENUBUHAN KUALA LUMPUR.**

Sekian, terima kasih.